



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Isnin, 30 Disember 2019
UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA KTMB PERKENALKAN TAMBANG FLEKSI ETS

Para penumpang perkhidmatan ETS Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bakal menikmati kadar tambang yang lebih berpatutan apabila syarikat itu memperkenalkan struktur tambang fleksi **bermula 1 Mac 2020**. Tiket bagi tambang fleksi ini akan mula dijual pada 15 Januari 2020 bagi perjalanan ke semua destinasi perkhidmatan ETS di antara 1 hingga 31 Mac 2020.

Pelaksanaan tambang fleksi tersebut akan memberi kelebihan kepada pengguna ETS untuk merancang perbelanjaan dan pengalaman perjalanan mereka dengan lebih baik di mana ianya membolehkan pengguna mendapatkan tambang tiket perjalanan yang lebih menjimatkan mengikut pilihan dan citarasa masing-masing. Sebagai contoh, bagi perjalanan pada musim perayaan dan cuti sekolah, para pengguna yang membuat tempahan awal akan menikmati kadar tambang yang lebih rendah berbanding mereka yang membelinya pada saat akhir. Pengguna juga berpeluang menikmati penjimatan berganda menerusi promosi-promosi yang bakal ditawarkan dari semasa ke semasa.

Pelaksanaan struktur tambang fleksi tersebut telah diluluskan oleh Kabinet pada 18 September 2019 yang lalu setelah kajian terperinci dilakukan terhadap segala aspek terutama sekali berkaitan profil penumpang dan pengoperasian perkhidmatan ETS. Ia juga

sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang terbaik dan terus memilih pengangkutan awam seperti kereta api sebagai pilihan utama.

Sebagai pengenalan kepada tambang fleksi ini, KTMB juga menawarkan promosi “Seleksi Tempat Duduk” percuma untuk penumpang membuat pilihan tempat duduk tanpa sebarang caj tambahan bagi perjalanan di antara 1 hingga 31 Mac 2020 ke semua destinasi.

Selain itu, KTMB masih menawarkan harga tambang konsesi untuk pesara kerajaan dan isteri, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), kanak-kanak 4 – 12 tahun, pelajar (pemegang kad KTM i-card), polis, tentera dan bomba.

Perkhidmatan ETS yang mula beroperasi di antara Kuala Lumpur dan Ipoh pada 2010 telah merekodkan seramai 215,000 pada tahun pertama pengenalannya. Sehingga kini, perkhidmatan itu yang telah dilanjutkan ke sektor Gemas dan Padang Besar berjaya merekodkan seramai 3.9 juta penumpang pada tahun 2018, sekaligus membuktikan popularitinya yang kian meningkat.

Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan populariti itu adalah ketepatan waktu perjalanan perkhidmatan ETS yang menepati sasaran melebihi 95 peratus, layanan khidmat pelanggannya serta kemudahan moden yang tersedia di dalam tren.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

30 DISEMBER 2019

[TAMAT]